

05 FEB 2000

Mahathir-Unctad

NEGARA MEMBANGUN BIMBANG KESAN GLOBALISASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Malaysia akan mengetengahkan keraguan negara-negara membangun terhadap kesan globalisasi pada sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad X) di Bangkok minggu depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata perbincangan juga akan tertumpu kepada formula yang akan diajukan oleh negara-negara membangun bagi menangani keraguan usaha globalisasi antarabangsa itu.

"Perdagangan dan pembangunan nampaknya terjejas di kalangan negara-negara membangun kerana mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan globalisasi dan kebebasan perdagangan ini," kata beliau ketika ditemui pemberita pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina MCA di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata negara membangun kini melihat terlalu banyak syarikat gergasi dan antarabangsa yang bergabung menjadikan mereka lebih besar.

Beliau berkata mereka tidak tahu apa kesannya perubahan perdagangan ini termasuk penggabungan syarikat gergasi terhadap negara mereka.

Menurut kenyataan Unctad, mesyuarat pada 12 Feb hingga 19 Feb itu akan membincang teks substantif yang telah dirundingkan di kalangan anggota sejak Oktober tahun lepas supaya mendapat kelulusan menteri pada persidangan di Bangkok itu.

Teks itu menggariskan satu pelan bertindak bagi kerajaan dan masyarakat antarabangsa untuk menjadikan globalisasi satu alat berkesan bagi pembangunan semua negara dan rakyat dunia.

Mengenai laporan semalam bahawa Malaysia akan dimasukkan ke dalam Dana Nomura yang dicadangkan, indeks Morgan Stanley Capital International versi Jepun, Dr Mahathir berkata beliau mengalu-alukan perkembangan itu.

Beliau berpendapat penyenaiaan terbaru itu akan memperkukuhkan pasaran saham negara.

Semalam pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Ali Abdul Kadir berkata perkembangan itu mencerminkan kesedaran yang kian meningkat terhadap pasaran ekuiti Malaysia oleh pelabur antarabangsa.

-- BERNAMA

GM AKD